



**SYARAT-SYARAT BAGI LESEN KATEGORI PENYIMPAN DAN PENJUALAN (SJ)**

SYARAT-SYARAT		JENIS DOKUMEN PERNIAGAAN ASAL YANG PERLU DITUNJUKKAN
UMUM	KHUSUS	
<p><b>A. Jenis Bangunan Premis</b></p> <p>i. Hanya beroperasi di premis perniagaan/bangunan komersial/ Pengecualian bagi tanah lot; dengan syarat pejabat operasi/pentadbiran diasingkan dengan rumah melebihi 10 kaki. Syarat mempunyai Lesen PBT/Majlis/Surat Ulasan dari Jabatan Berkaitan.</p> <p>ii. Mempunyai papan tanda nama perniagaan/syarikat sekurang-kurangnya di dalam premis.</p> <p>iii. Jarak premis dengan rumah/kedai makan/klinik melebihi 10 kaki.</p> <p><b>B. Premis yang menjual/ menyimpan HTP dan Methyl bromide.</b></p> <p>i. Premis tidak boleh beroperasi di tingkat satu dan ke atas.</p> <p><b>C. Lesen PBT (sementara)</b></p> <p>i. Permohonan boleh di proses seperti biasa dan sekiranya PBT tidak menyambung lesen tersebut, pegawai pelesen boleh membatalkan lesen tersebut.</p>	<p>a. Menyediakan papantanda "<b>RACUN MAKHLUK PEROSAK TIDAK BOLEH DIJUAL KEPADA ORANG DI BAWAH UMUR 18 TAHUN</b>" dipamer di bahagian kaunter jualan yang mudah dilihat.</p> <div style="border: 2px solid red; padding: 5px; text-align: center; color: red; font-weight: bold;"> <p>RACUN MAKHLUK PEROSAK TIDAK BOLEH DIJUAL KEPADA ORANG DI BAWAH UMUR 18 TAHUN</p> </div> <p>b. Menyediakan papantanda "<b>BERBAHAYA! RACUN MAKHLUK PEROSAK</b>" dengan piktogram (simbol) tengkorak dan tulang bersilang dipamer dengan jelas pada setiap 3 meter pada rak pameran racun makhluk perosak.</p> <div style="border: 2px solid red; padding: 5px; text-align: center;">  <p style="color: red; font-weight: bold; margin: 0;"><b>BERBAHAYA! RACUN MAKHLUK PEROSAK</b></p> </div> <p>c. Menyediakan papantanda "<b>AWAS! STOR RACUN MAKHLUK PEROSAK - DILARANG MAKAN, MINUM DAN MEROKOK</b>" serta piktogram (simbol) tengkorak tulang bersilang dipamer dengan jelas di setiap pintu stor.</p> <div style="border: 2px solid red; padding: 5px; text-align: center;">  <p style="color: red; font-weight: bold; margin: 0;"><b>AWAS! STOR RACUN MAKHLUK PEROSAK DILARANG MAKAN, MINUM DAN MEROKOK</b></p> </div> <p><b>Spesifikasi Papan Tanda:</b></p> <p>i. Berukuran minimum 50cm panjang x 20.3 cm lebar bagi papantanda (a); 50.8 cm x 10.2 cm bagi papantanda (b) dan 70 cm x 20.3cm bagi papantanda (c).</p> <p>ii. Saiz ukuran blok huruf adalah minimum 3cm</p> <p>iii. Saiz ukuran minimum piktogram tengkorak dengan tulang bersilang 7.6cm x 6.4cm</p> <p>iv. Ditaip dengan huruf besar dan menggunakan font berwarna merah</p> <p>v. Menggunakan jenis font yang mudah dibaca seperti Arial dan Times New Roman</p> <p>vi. Dicetak atau blok tulisan dilekatkan diperspektif/acrylic berwarna putih.</p> <p>vii. Menggunakan garisan merah sebagai border.</p> <p>viii. Penggunaan pelekat (sticker) tidak dibenarkan.</p> <p>d. Stor RMP hendaklah sentiasa berkunci.</p> <p>e. Stor RMP tidak mengandungi barang lain.</p> <p>f. Lantai premis diperbuat daripada simen konkrit yang tidak mudah meresap dan retak.</p> <p>g. Premis mempunyai alat pemadam api yang diluluskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dan sah tempoh.</p> <p>h. Premis menyediakan kemudahan asas rawatan tumpahan RMP seperti baldi berisi pasir dan pencedok.</p> <p>i. Premis mempunyai pengudaraan yang sempurna. Jika tidak kipas ekzos diperlukan.</p> <p>j. Premis mempunyai cahaya lampu elektrik yang terang.</p> <p>k. Premis mempunyai bekalan air bersih.</p> <p>l. Menyediakan ruang bekerja dan tempat simpanan rekod bagi memastikan semua dokumen perniagaan yang berkaitan dengan penjualan RMP disimpan dan dikemukakan apabila dikehendaki.</p>	<p>a. Lesen Perniagaan SSM/Trading/Enterprise</p> <p>b. Lesen PBT/Majlis.</p> <p>c. Perjanjian Sewaan Sekiranya Premis Bukan Hakmilik.</p>